

## PERATURAN PERMAINAN BOLA TAMPAR

### 1. PERATURAN TEKNIKAL

#### 1.1 Undang - Undang Permainan

1.1.2 Pertandingan ini akan diputuskan mengikut Undang-Undang Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB) dan terjemahan Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA) yang berkuatkuasa pada ketika ini.

#### 1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan AM **HIGHER EDUCATION SPORTS FEST (HESF) 2019**

### 2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Pertandingan akan dijalankan secara Berpasukan

2.2 Pendaftaran pasukan/pemain

2.2.1 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 12 orang pemain, 1 pengurus dan 1 jurulatih bagi satu pasukan.

2.2.1 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.

2.3.1 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

2.4.1 Setiap pasukan dibenarkan mempunyai "LIBERO" (1 orang) semasa pertandingan dijalankan.

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Sila rujuk Peraturan AM **HESF, Perkara 10.**

2.3.2 Pusingan awal sehingga suku akhir, ditentukan dengan satu (1) set permainan dengan kiraan mata 31. Pertukaran gelanggang akan dibuat pada mata ke-16 dan kiraan mata akan bersambung selepas pertukaran gelanggang dibuat.

2.3.3 Pusingan separuh akhir, tempat 3/4 dan akhir ditentukan dengan dua (2) set dari tiga (3) set permainan. Setiap set dimainkan dengan kiraan mata 25. Set ketiga atau set penentuan dimainkan dengan kiraan mata 15.

2.3.4 Sekiranya berlaku *tie-break* pada mata 30-30 / 24-24 / 14-14, perbezaan dua mata (*duece*) diperlukan untuk menentukan pemenang. Bagi pusingan awal sehingga suku akhir sahaja, sekiranya kedudukan mata masih terikat, pasukan yang mendapat mata ke-35 terlebih dahulu akan dikira sebagai pemenang.

## 2.4 Cara Memutuskan Keputusan

### 2.4.1 Cara memberi mata:

Menang	- 2 mata
Kalah	- 1 mata
Kalah tanpa bertanding	- 0 mata

### 2.4.2 Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut:-

#### 2.4.2.1 Nisbah Mata (M)

M = Jumlah mata menang (semua perlawanan)  
Jumlah mata kalah (semua perlawanan)

#### 2.4.2.2 Jika masih seri, Nisbah set tertinggi (S),

S = Jumlah set menang (semua perlawanan)  
Jumlah set kalah (semua perlawanan)

#### 2.4.2.3 Jika masih seri,

S1 = Jumlah set menang (antara pasukan yang terlibat)  
Jumlah set kalah (antara pasukan yang terlibat)

#### 2.4.2.4 Jika masih seri,

M1 = Jumlah mata menang (antara pasukan yang terlibat)  
Jumlah mata kalah (antara pasukan yang terlibat)

#### 2.4.2.5 Jika sekiranya masih terdapat persamaan antara dua (2) pasukan, maka keputusan perlawanan yang telah diadakan diantara kedua-kedua pasukan tersebut akan diambil kira. Pasukan yang pernah menang di perlawanan tersebut dikira menang.

#### 2.4.2.6 Sekiranya masih tidak boleh ditentukan pemenang antara (3) atau lebih pasukan, maka cabutan undi akan dijalankan.

## 2.5 Pakaian Pertandingan

2.5.1 Pakaian yang bersesuaian dengan permainan Bola Tampar.

2.5.2 Pakaian seragam mengikut Peraturan FIVB.

2.5.3 Setiap pemenang perlu berpakaian sopan semasa Majlis Penyampaian Hadiah.

## 2.6 Hadiah Dan Yuran

2.6.1 Yuran penyertaan adalah sebanyak RM 150.00 bagi setiap pasukan.

2.6.2 Hadiah diberi hanya kepada Pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga mengikut ketentuan berikut :-

BIL	PINGAT	HADIAH (RM)
1.	<b>Emas</b>	RM 1,500.00
2.	<b>Perak</b>	RM 1,000.00
3.	<b>Gangsa</b>	RM 700.00

## 2.7 Kelewatan Dan Ketidakhadiran

Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada sesuatu kepada pasukan yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 31-0 atau 25-0, 25-0.

## 2.8 Perlawanan yang ditunda atau diberhentikan

2.8.1 Sekiranya pengadil berpendapat gelanggang tidak sesuai untuk dimainkan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, permainan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan akibat hal-hal diluar kawalan kedua-dua pasukan dan sekiranya melebihi 4 jam keputusan berikut akan diikuti :-

2.8.1.1 Sekiranya bermain semula digelanggang yang sama, set yang tergendala akan disambung semula dengan mata, pemain dan kedudukan pemain yang sama.

2.8.1.2 Set yang telah dimainkan dahulunya dikekalkan keputusannya.

2.8.1.3 Sekiranya perlawanan dimainkan di gelanggang yang lain, set yang sedang dimainkan dikira batal dan dimainkan semula dengan pemain-pemain yang sama.

2.8.1.4 Set yang telah dimainkan dahulu dikekalkan keputusannya.

2.8.2 Sekiranya berlaku gangguan perlawanan melebihi 4 jam, maka keseluruhan perlawanan akan dimainkan semula.

## 2.9 Bantahan

Mengikut Peraturan AM **HESF, Perkara 14**.

## 2.10 Perkara yang tidak dinyatakan

Sila rujuk Peraturan AM **HESF, Perkara 19**.

**3. RINGKASAN PENYERTAAN**

BIL	PASUKAN	JUMLAH ATLET	PEGAWAI	JUMLAH KESELURUHAN
1	Lelaki	12	2	14
2	Wanita	12	2	14